



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 25 JUN 2023

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PERMOHONAN PERMIT PINDAHAN PADI KE LUAR NEGERI DIBEKUKAN, MALAY, NEWS -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	KPDN BANTU KAWAL SELIA BERAS DI PASARAN, NASIONAL, BH AHAD -7	
3.	TEMPORARY RICE TRANSFER PERMIT FREEZE NEEDED TO STABILISE LOCAL RICE SUPPLY, NATION, CHINA PRESS -A3	
4.	KPKM DRAFTING MEASURES TO STABILIZE RICE PRICE, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A3	
5.	CUMA TUNGGU MASA HARGA BERAS TEMPATAN NAIK – PEMBORONG, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE	
6.	SUPPLY OF FISH AT SUSTAINABLE LEVELS DESPITE WARMER CLIMATE, NATION, SUNDAY STAR -10	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
7.	FAMA SASAR JUALAN RM11 JUTA MENERUSI JUALAN KHAS AIDILADHA MADANI, MY METRO -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
8.	JOHOR FAMA FEST 2023 SASAR RM200,000 NILAI JUALAN, 50,000 PENGUNJUNG, MALAYSIA DAILY NEWS -ONLINE	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/6/2023	MALAY.NEWS	ONLINE	

Permohonan permit pindahan padi ke luar negeri dibekukan



KUALA LUMPUR – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah mengeluarkan arahan berkenaan pembekuan permohonan permit pindahan padi ke luar negeri berkuatkuasa 20 Jun 2023.

Ini merupakan satu langkah intervensi KPKM yang bersifat sementara untuk terus memastikan bekalan beras adalah sentiasa stabil di dalam pasaran negara.

Menurutnya, arahan ini hanya melibatkan permohonan permit pindahan padi oleh Pelesen Membeli Padi.

Manakala petani masih boleh menjual hasil padi mereka di mana-mana kilang termasuk kilang di negeri lain.

“Keputusan KPKM telah mengambil kira kepentingan dan hak petani. Petani hanya perlu memohon permit pindahan padi daripada Pejabat Kawalselia Padi dan Beras (KPB) Negeri berkenaan sekiranya ingin menjual padi ke kilang luar negeri.

Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan Pelesen Membeli Padi untuk menjual padi di luar negeri, mereka boleh membuat permohonan di Pejabat KPB Negeri untuk pertimbangan dan kelulusan Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras.

Jelasnya, permohonan ini akan diteliti dan dipertimbangkan oleh KPKM mengikut kes.

KPKM juga akan mengadakan sesi libat urus bersama pihak-pihak yang berkepentingan bagi memperjelaskan isu-isu yang berbangkit untuk memastikan bekalan beras tempatan sentiasa stabil di pasaran dengan harga yang dikawal sebagai pilihan beras yang murah kepada pengguna. – MalaysiaGazette

Headline	KPDN bantu kawal selia beras di pasaran		
MediaTitle	Berita Harian Ahad		
Date	25 Jun 2023	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	56,027
Page No	7	Readership	168,081
Language	Malay	ArticleSize	276 cm ²
Journalist	Omar Ahmad	AdValue	RM 9,174
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,523



KPDN bantu kawal selia beras di pasaran

Kementerian boleh terima aduan pengguna mengenai harga sebelum serah kepada KPKM

Oleh Omar Ahmad
bhnews@bh.com.my

Johor Bahru: Kementerian Perdagangan dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan membantu dalam aspek kawal selia beras di pasaran, meskipun semua rantaian bahan itu berada di bawah kawalan Kementerian berasingan.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata dari segi penguatkuasaan, KPDN boleh menerima aduan berhubung harga beras di pasaran yang kemudian diserahkan kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

"Saya sudah melihat punca kuasa beras yang sepenuhnya di bawah KPKM dari *up stream* (hulu) dan *down stream* (hiliran). Namun, KPDN sentiasa menda-



patkan maklumat daripada KPKM.

"Meskipun kenyataan rasmi berhubung kenaikan harga beras datang dari KPKM, KPDN akan pastikan apabila beras itu diletakkan di pasaran atau kedai runcit kita akan membantu dari segi kawal selia," katanya.

Kelmarin, KPKM melalui satu kenyataan memaklumkan kerajaan menetapkan harga kawalan maksimum jualan beras tempatan pada peringkat kilang dan borong berkuat kuasa 16 Jun lalu sebagai tindakan segera memastikan harga pasaran beras tempatan dalam negara sentiasa stabil serta terkawal.

Kenyataan itu juga memaklumkan semua pemegang Lesen Kilang Padi Komersial dan Lesen Borong Beras dikehendaki mematuhi harga kawalan maksimum selaras surat arahan dikeluarkan bertarikh 16 Jun lalu.

Harga kawalan maksimum beras Super Spesial Tempatan 5 peratus (SST5) pada peringkat runcit ialah RM2.60 sekilogram seperti termaktub peruntukan Akta Kawalan Padi dan Beras 1994.

RON95 untuk rakyat tempatan

Dalam perkembangan berasingan, Salahuddin menegaskan warga asing tidak dibenarkan untuk membeli minyak RON95, walau dengan apa alasan sekali pun, termasuk untuk kegunaan go-kart.

Katanya, RON95 adalah subsidi bagi rakyat Malaysia dan ia tertakluk di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan pemilik stesen minyak boleh dikenakan tindakan serta amaran keras sekiranya terdapat bukti jelas berlaku pembelian minyak itu kepada kenderaan warga asing.

Beliau berkata demikian mengulas video tular di Tiktok memaparkan pertelingkahan di sebuah stesen minyak dekat Sunway Box di sini, pada malam 16 Jun lalu apabila seorang penghantar makanan menegur warga asing yang cuba mengisi RON95 ke dalam tong.

Dilaporkan, selepas pemeriksaan, minyak yang ingin diisi warga asing berkenaan adalah untuk kegunaan go-kart.

Headline	Temporary rice transfer permit freeze needed to stabilise local rice supply		
MediaTitle	China Press		
Date	25 Jun 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A3	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	83 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,637
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,912



農業部：確保供應穩定 凍結白米出口證申請

(布城24日讯)农业及食品安全部指出，为了确保国内市场白米供应稳定，该部从周二(20日)起冻结白米出口准证申请，作为暂时干预措施。

上述指示只涉及购白米准

证持有人(Peleesen Membeli Padi)，而农民仍可向本地任何一间厂商出售白米。

该部今日发文告说，该部在顾及农民权益后，做出上述决定。

“农民若需将白米卖给外国厂

商，须向相关州属米粮控制组(KPB)提出申请。”

文告指出，若有出口白米需求，购白米准证持有人也可前往米粮控制组办事处提出申请，以寻求米粮控制组主任批准，但农业部将以个案方式处理每份申请。

“我们也会与利益相关者对话，以厘清当前课题，确保本地市场白米稳定且价格受控。”

Headline	KPKM drafting measures to stabilize rice price		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	25 Jun 2023	Color	Black/white
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A3	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	71 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 538
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,614



农业部拟策稳米价

(布城 24 日讯) 政府已采取快速行动，确保本地白米市场价格稳定及受到控制。

农业及食品安全部指出，政府已设定工厂及批发层面的本地白米销售顶价管制，这项措施于本月 16 日生效。

农业部今天发文告，所有白米批发执照及商业米较厂执照持有人必须遵

守白米顶价机制。

该部是针对迈丁 (Mydin) 超市董事经理拿督阿米尔向网媒声称，下个月 10 公斤白米会再涨价 1 至 2 令吉的谈话，作出解释。

文告指出，根据 1994 年稻田及白米控制法令，零售层面的本地 5% 碎米 (SST5) 顶价为每公斤 2 令吉 60 仙。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/6/2023	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

Cuma tunggu masa harga beras tempatan naik – Pemborong



KUALA LUMPUR – Pemborong-pemborong beras mendakwa sudah mendapat surat daripada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan mengenai kenaikan harga borong beras tempatan (super spesial tempatan – SST) kepada RM2,250 bagi satu metrik tan.

Sumber memberitahu, surat yang bertarikh 16 Jun 2023 itu ditandatangani oleh Ketua

Pengarah Pengawalan Padi dan Beras, Bahagian Pembangunan Industri Padi, Datuk Azman Mahmood.

“Secara logiknya, kalau kenaikan harga borong (beras) sudah diberikan kepada pemborong, bermakna pengguna juga bakal berdepan dengan kenaikan harga beras. Cuma tunggu masa sahaja.

“Kalau tidak, keuntungan pemborong, pembekal, peruncit akan merosot,” kata sumber yang menghubungi *MalaysiaGazette*.

Beliau mengulas kenyataan Pengarah Urusan Pasar Raya Besar Mydin yang memberitahu harga runcit bagi beras putih import 10kg akan naik sekurang-kurangnya RM1 bulan depan.

Menurut Datuk Ameer Ali Mydin, perkembangan ini menyusuli kenaikan harga antara RM1 dan RM2 sekampit bagi berat putih import bulan lepas.

Ameer juga berkata, pembekal sudah mula menjual beras putih tempatan, 5% “Super Spesial Tempatan” pada RM12.80, meningkat daripada RM12.50 untuk beras 5kg, bagi mengurangkan keuntungan peruncit.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub yang mengulas kenyataan Ameer berkata, pihaknya masih belum ada keputusan daripada kerajaan tentang harga beras pada masa ini.

Namun, kementeriannya bersedia menghadapi sebarang kesan akibat cuaca panas termasuk berhubung harga beras.

Salahuddin berkata, pihaknya dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan akan mengeluarkan kenyataan mengenai perkara ini kemudian, setelah bertukar nota.

Mengulas lanjut, sumber percaya, penjelasan kenaikan harga beras tempatan akan dibuat selepas perintah harga kawalan beras dipinda oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan tidak lama lagi.

“Beberapa proses dalaman perlu dibuat sebelum perubahan harga beras tempatan ini diumumkan, tetapi harga pasti naik. Tidak logik pula pemborong beli mahal, pengguna dapat harga yang sama,” ujarnya.

Dalam pada itu, sumber yang terlibat dalam industri beras negara turut mengesahkan akan berlaku perubahan beras tempatan, hanya menunggu masa sahaja.

“Dalam keadaan semasa, semua barang naik dan beras adalah barang keperluan yang terakhir naik.

“Kejatuhan ringgit turut menjadi faktor kenaikan ini, mengambil kira 60 peratus beras negara diimport,” ujarnya namun enggan mengesahkan harga baharu beras tempatan.

Pada masa ini harga beras tempatan yang kekal sekitar RM2.60 sekilogram.

“Kalau ia naik, harga baharu (kenaikan) tidak melepasi lebih RM1,” ujar sumber tersebut. — MalaysiaGazette

Headline	Supply of fish at sustainable levels despite warmer climate		
MediaTitle	Sunday Star		
Date	25 Jun 2023	Color	Black/white
Section	Nation	Circulation	175,986
Page No	10	Readership	527,958
Language	English	ArticleSize	327 cm ²
Journalist	DIYANA PFORDTEN	AdValue	RM 7,818
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,454



Supply of fish at sustainable levels despite warmer climate

By **DIYANA PFORDTEN**
diyana.pfordten@thestar.com.my

PETALING JAYA: Overall fisheries stock in our waters remain at sustainable levels, even if the current warmer temperatures and overfishing has resulted in lower catch in the country, says the Fisheries Department.

Its director-general Datuk Adnan Hussain said according to the department's statistics, total fish landings between February and April this year recorded an average drop of 10.3% a month compared to the same period last year.

"This has resulted in possible increases in fish prices in markets.

"The decline of fish harvest between February and April is the result of the hot weather conditions in the country, on top of other factors such as overfishing, as well as illegal, unreported and unregulated fishing, along with

unsustainable marine aquaculture practices," he said.

However, he added that fish landings in May recorded a 3.2% improvement, and should the trend continue, fish stocks could be restored.

"The latest analysis by the Fisheries Department found that the overall status of pelagic and demersal fish stocks is still at a sustainable level, except for the southern area of the west coast of Peninsular Malaysia, which has been over-exploited," Adnan said.

Pelagic fish refers to those that inhabit the mid-water regions or upper layers of water, while demersal fish are usually found at the bottom layers of water or near the ocean floor.

"Demersal fish stocks in the northern west coast of Peninsular Malaysia is also experiencing excessive exploitation," he said, adding that the status of fish stocks is highly dependent on the amount

of fishing carried out by fishermen, and control of this aspect is a key element in the management of fishery resources.

He added that fish stocks could be sustained if they were managed sustainably by fisheries management based on the latest scientific information and the use of fisheries instruments recommended by international bodies such as the Food and Agriculture Organisation (FAO) of the United Nations.

"We also enforce the size of the fishermen's net mesh, which should not be less than 38mm.

"This larger mesh size prevents juvenile fish from being caught," he said.

He said the impact of global warming and the El Nino phenomenon was another factor that affected fish habitat and stocks.

"With the increase in sea levels due to global climate change, it directly causes changes to the shape of coastal areas," he said.

For example, areas where water used to be shallow have become deeper, and may no longer be suitable as a habitat for some species.

"These changes will also affect water quality conditions in the area with an increase in silt, less penetration of sunlight to the seabed, and increased input of nutrients from the land. It can also result in a stronger current effect.

He added that increased water temperatures could also change the migratory habits of certain fish species.

"For example, Albacore tuna, a tuna species that lives in temperate climates, which used to be found in the waters off Semporna, Sabah, in the monsoon season (when the sea water temperature is lower) is now decreasing, possibly due to the warming water temperature," Adnan said.

Other causes for the drop in harvests, he said, can be contributed by other man-made factors,

namely the uncontrolled development of coastal areas such as reclamation, sand mining and pollution from domestic and industrial waste disposal which also contribute to climate change and the destruction of marine ecosystems.

The destruction of natural habitats such as coral reefs, sea grass bed, and mangrove swamps also have a negative impact on fishery resources.

Adnan said the situation could be addressed through the continuous management of fishing capacity through the Monitoring, Control and Surveillance Programme which is done periodically, as well as fishing control such as closed areas and closed seasons.

Other efforts are through the establishment of fisheries protection areas such as Marine Parks and Refugia, as well as development of artificial habitats such as artificial reefs in coastal waters.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/6/2023	MY METRO	ONLINE	

Fama sasar jualan RM11 juta menerusi jualan khas Aidiladha Madani



Pengerusi FAMA, Aminuddin Zulkipli. FOTO NUR AISYAH MAZALAN

Shah Alam: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) mensasarkan nilai jualan RM11 juta menerusi program jualan khas Aidiladha

Madani yang berlangsung semalam hingga 28 Jun ini.

Pengerusi Fama, Aminuddin Zulkipli berkata, program jualan ini membabitkan lebih 20,000 usahawan di 203 outlet pemasaran Fama seluruh negara termasuk Pasar Tani, Pasar Tani Kekal, Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) dan Medan Niaga Satok (MNS).

"Selain memberi peluang kepada pengguna mendapatkan barangan keperluan perayaan, ia juga memberi ruang kepada usahawan untuk mengadakan jualan semasa musim sambutan perayaan yang mana mendapat permintaan tinggi dari kalangan pengunjung," katanya pada pelancaran Program Jualan Khas Aidiladha Madani peringkat kebangsaan di sini, hari ini.

Turut hadir, Ahli Parlimen Shah Alam, Azli Yusof; Pemangku Ketua Pengarah Fama, Abdul Rashid Bahri dan Pengarah Fama Selangor, Aiada Abdul Rashid.

Beliau berkata, selain barangan segar seperti daging, ayam dan sayur-sayuran, pengguna juga berpeluang untuk mendapatkan bekalan juadah Aidiladha seperti ketupat, rendang, lemang dan kuih-muih.

Katanya, Fama akan memastikan bekalan di setiap lokasi mencukupi dan pengguna tidak perlu berasa kluatir untuk mendapatkan keperluan raya.

"Fama juga menyasarkan nilai jualan bagi ayam sebanyak RM440,000 bersamaan 30,000 ekor dan daging bernilai RM220,000 bersamaan 6.2 metrik tan untuk jualan khas Aidiladha Madani pada tahun ini.

"Fama memberi jaminan bekalan daging, ayam, sayur-sayuran dan kelapa cukup untuk Aidiladha.

"Kita yakin pengguna tidak akan menghadapi masalah mendapatkan barang keperluan itu kerana persediaan awal menambah bekalan sentiasa dibuat agensi di bawah kementerian," katanya.

Pada majlis sama, Aminuddin turut melancarkan jualan istimewa Kombo Madani yang mengandungi sayur-sayuran dan ayam dijual pada harga RM10 per unit.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/6/2023	MALAYSIA DAILY NEWS	ONLINE	

JOHOR FAMA FEST 2023 SASAR RM200,000 NILAI JUALAN, 50,000 PENGUNJUNG



JOHOR BAHRU, 25 Jun (Bernama) — Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menasaskan nilai jualan sebanyak RM200,000 dan 50,000 pengunjung menerusi program Johor FAMA Fest 2023 yang berlangsung selama empat hari di Aeon Bukit Indah di sini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar negeri Datuk Zahari Sarip berkata program itu bertujuan mempromosi produk makanan keluaran usahawan tempatan kepada masyarakat termasuk warga Singapura.

Beliau berkata seramai 45 usahawan pemasar terlibat dalam program yang menjadi medan pertemuan antara golongan itu dengan agensi kerajaan dan petani selain menawarkan pelbagai produk serta perkhidmatan dengan harga berpatutan.

“Terdapat pelbagai aktiviti menarik diadakan termasuk padanan perniagaan, demo masakan, jualan buah-buahan bermusim, jualan longan kristal dan tawaran baucar bernilai sehingga RM20.

“Selain itu, kita juga menawarkan makanan warisan dan popular di Johor seperti mi rebus, otak-otak, pepes dan jus avokado bagi menarik kehadiran pengunjung,” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Mengulas lanjut, Zahari berkata FAMA turut menasaskan sebanyak RM5 juta bagi potensi nilai eksport menerusi sesi padanan perniagaan.

“Bagi tujuan ini, FAMA membawa ejen pemasar dari Singapura, Hong Kong dan Kemboja untuk membantu memperluas pasaran produk agromakanan negara ke pasaran global.

“Ia bertujuan untuk menggalakkan usahawan meneroka pasaran global yang lebih luas dan menguntungkan menerusi ejen pemasaran yang memiliki outlet pasaran atau ‘key account’ di destinasi masing-masing,” katanya.

Beliau berkata selain itu, Jualan Agro MADANI turut diadakan bagi memudahkan pengunjung mendapatkan barangan keperluan seperti sayur-sayuran, buah-buahan dan pelbagai produk pertanian.

“Pelaksanaan Jualan Agro MADANI dilihat program ‘quick win’ Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dalam membantu petani memasarkan produk mereka secara terus kepada pengguna dan pengguna juga dapat menikmati harga penjimatan yang ditawarkan,” katanya.

Menurut Zahari, FAMA berjaya mencatatkan potensi nilai eskport bernilai RM93.7 juta dengan penglibatan ejen pemasar dari Emiriah Arab Bersatu, Jepun, China, Hong Kong dan

Kemboja yang memberi manfaat kepada 54 usahawan tempatan, melalui program galakan pasaran di luar negara bermula 1 Jan hingga bulan lepas.

Pada majlis itu, Zahari turut menyampaikan insentif berjumlah RM220,000 kepada empat penerima menerusi Program Agropelancongan, Program Rezeki Tani, Program Pembangunan Produk Signature Negeri Johor dan Geran Pembungkusan Eksport.

— BERNAMA